

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Baca Helaiian Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengeluarkan AppleCare+. Pastikan bahawa anda turut membaca terma dan syarat umum.

AIG MALAYSIA INSURANCE BERHAD

Produk: Kerosakan Tidak Disengajakan yang berpunca daripada Pengendalian Di Bawah AppleCare+

Tarikh: 23/01/24

1. Apakah produk ini?

- (a) Polisi ini memberikan perlindungan ke atas kos pembaikan atau kos penggantian peranti Apple (Peralatan Layak) yang mengalami kerosakan tidak disengajakan yang berpunca daripada pengendalian.
- (b) Perlindungan ini akan diberikan kepada semua pelanggan yang telah membeli AppleCare+ pada peranti Apple mereka.

2. Apakah jenis perlindungan/manfaat yang diberikan?

Polisi ini akan memberikan perlindungan untuk kos pembaikan/penggantian pada Peralatan Layak anda yang mengalami kegagalan operasi atau mekanikal yang berpunca daripada kemalangan, dengan syarat bahawa kemalangan tersebut merupakan kejadian luaran yang tidak dijangka dan tidak disengajakan yang timbul daripada penggunaan harian yang biasa.

3. Berapakah jumlah premium yang perlu saya bayar?

Produk ini telah ditawarkan secara percuma.

4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) sebanyak 6% akan dikenakan.

5. Apakah terma dan syarat utama lain yang harus saya ketahui?

(a) Kewajipan pendedahan:

- (i) Anda mesti mengambil penjagaan munasabah bagi memastikan bahawa semua jawapan anda untuk soalan yang ditanya adalah penuh, lengkap, betul dan jujur serta menjawab soalan tersebut dengan sebaik mungkin.
- (ii) Anda juga memikul kewajipan untuk memaklumkan kepada AIG Malaysia Insurance Berhad (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "**Syarikat**") tentang mana-mana perubahan terhadap maklumat yang diberikan kepada kami sebelum ini sebelum kami mengeluarkan sijil kepada anda. Jika anda tidak berbuat demikian, sijil anda mungkin dibatalkan atau dianggap sebagai tidak pernah wujud, atau tuntutan anda mungkin ditolak atau tidak dibayar sepenuhnya.

(b) Kelayakan:

Anda juga diwajibkan untuk terus memenuhi syarat di bawah supaya layak untuk mendapatkan perlindungan di bawah Polisi ini:

Umur

Umur termasuk untuk orang dewasa di bawah polisi ini adalah 18 tahun.

Status Pemastautin

Untuk memenuhi syarat kelayakan bagi mendapatkan perlindungan di bawah polisi ini, anda mestilah seorang:

- (i) Warganegara Malaysia yang tinggal di Malaysia;
- (ii) Pemastautin tetap Malaysia; atau
- (iii) Pemegang pas visa yang sah.

Pekerjaan Yang Dikecualikan

Tidak berkenaan

(c) Tunai Sebelum Lindung:

Syarikat mesti menerima bayaran premium yang akan tamat tempoh pada atau sebelum Tarikh Matang Premium. Tiada Manfaat yang akan dibayar untuk mana-mana tuntutan yang dilakukan semasa tempoh bayaran premium tidak diterima.

(d) Negara Bermastautin:

Anda mesti memaklumkan kepada Syarikat sekiranya anda bakal meninggalkan Malaysia untuk lebih daripada 180 hari secara berturut-turut. Kegagalan untuk berbuat demikian akan menjadikan perlindungan anda tidak sah.

(e) **Tuntutan:**

Anda boleh mengemukakan tuntutan yang sah dengan memaklumkan kepada kami bahawa Peralatan Layak telah gagal berfungsi disebabkan oleh kerosakan tidak disengajakan.

(f) **Bilangan polisi:**

Hanya satu polisi individu yang menyediakan peranti sama atau serupa yang ditaja jamin oleh Syarikat dibenarkan. Jika anda memegang lebih daripada satu polisi, Syarikat akan menginsuranskan polisi dengan jumlah pampasan tertinggi kepada anda atau, sekiranya jumlah pampasan di bawah setiap polisi adalah serupa, maka pampasan akan diambil daripada polisi pertama yang dikeluarkan.

(g) **Sekatan:**

Syarikat tidak boleh dianggap sebagai menyediakan perlindungan dan tidak akan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa tuntutan atau memberikan apa-apa Manfaat di bawah ini setakat yang peruntukan tersebut meliputi, pembayaran tuntutan tersebut atau peruntukan Manfaat tersebut akan mendedahkan Syarikat, syarikat induk Syarikat atau entiti pengawal utama syarikat induk Syarikat kepada apa-apa sekatan atau larangan di bawah resolusi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu atau sekatan perdagangan atau ekonomi, undang-undang atau peraturan Kesatuan Eropah, atau Amerika Syarikat.

(h) **Pembaharuan:**

Tidak berkenaan

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

- (a) Untuk melindungi daripada haus dan lusuh biasa atau membaiki kerosakan kosmetik yang tidak menjejaskan kefungisian Peralatan Layak;
- (b) Untuk menggantikan Peralatan Layak yang hilang atau dicuri;
- (c) Untuk membaiki kerosakan yang disebabkan oleh kelakuan melulu, kasar, disengajakan atau apa-apa penggunaan Peralatan Layak dengan cara yang tidak biasa atau dimaksudkan oleh Apple;
- (d) Untuk membaiki kerosakan yang berpunca daripada produk bukan Peralatan Layak;
- (e) Untuk membaiki apa-apa kerosakan pada Peralatan Layak (tanpa mengira punca) jika Peralatan Layak telah dibuka, diservis, diubah suai, dipasang atau diubah oleh sesiapa selain Apple atau wakil sah Apple;
- (f) Untuk membaiki apa-apa kerosakan pada Peralatan Layak dengan nombor siri yang telah diubah, dirosakkan atau dikeluarkan;
- (g) Kehilangan, kehilangan penggunaan, kerosakan, ketidakupayaan untuk mengakses atau ketidakupayaan untuk memanipulasi mana-mana perkakasan atau perisian elektronik atau komponen, yang digunakan untuk menyimpan, memproses, mengakses, menghantar atau menerima maklumat dalam Peralatan Layak akibat apa-apa sebab atau kerugian selain kerugian yang diliputi dan dinyatakan secara khusus dalam Polisi ini, termasuk apa-apa akses tanpa kebenaran atau penggunaan tanpa kebenaran bagi sistem tersebut, serangan penafian perkhidmatan atau penerimaan atau penghantaran kod hasad

Perhatian: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk Susunan Kata Polisi untuk mendapatkan senarai pengecualian yang penuh di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

- (a) Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa untuk apa-apa sebab.
- (b) Anda boleh membuat pembatalan dengan atau tanpa memulangkan Peralatan Layak anda. Jumlah bayaran balik anda adalah berdasarkan pilihan pembatalan anda.
- (c) Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila rujuk Susunan Kata Polisi.

8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan pada maklumat kenalan/peribadi saya?

Sila pastikan bahawa anda memaklumkan perubahan tersebut kepada kami dengan menghubungi kami menggunakan maklumat yang diberikan di bawah.

9. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan tentang Polisi ini atau jika anda mempunyai apa-apa pertanyaan, sila hubungi kami di:

AIG Malaysia Insurance Berhad,
Menara Worldwide,
198 Jalan Bukit Bintang,
55100, Kuala Lumpur,
Malaysia.

Nombor Telefon : 1800 88 8811

Alamat E-mel : AIGMYCare@aig.com

Laman Web : www.aig.my

10. Jenis insurans serupa lain yang tersedia

Tidak berkenaan

NOTA PENTING:

ANDA PERLU MEMASTIKAN BAHAWA POLISI INI AKAN MEMENUHI KEPERLUAN ANDA DENGAN SEBAIK-BAIKNYA. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI SUSUNAN KATA POLISI INI DAN TERUS MENGHUBUNGI SYARIKAT INSURANS UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang diberikan dalam helaian pendedahan ini adalah sah pada atau sehingga 23/01/24.

010124 AC+ Malaysia PDS v1.0 – Bahasa Malaysia